

Konflik Kejiwaan dalam Novel *Interlok* karya Abdullah Hussain (1996)

Life Conflict in Novel *Interlok* by Abdullah Hussain (1996)

NUR FARAHKHANNA MOHD RUSLI

ABSTRAK

Makalah ini bertujuan untuk menjelaskan konflik jiwa yang dialami Maniam dalam novel Interlok karya Abdullah Hussain (1996). Watak Maniam dipilih sebagai sampel kajian berdasarkan kepelbagaian konflik yang dialami dalam usaha mencapai kehidupan yang sempurna. Maklumat kajian diperolehi melalui teknik kepustakaan, iaitu meneliti sumber-sumber bertulis yang berhubung kait dengan permasalahan jiwa yang dialami oleh watak-watak dalam sesebuah karya. Tiga pendekatan akan digunakan untuk menganalisis aspek kejiwaan, iaitu Psikoanalisis Sigmund Freud, Humanistik Abraham Maslow dan Psikologi Islam. Setiap pendekatan berperanan mencetus dan mengawal konflik jiwa yang dialami watak dalam karya. Hasil kajian mendapati konflik kejiwaan yang dialami Maniam bermula dari rangsangan luaran yang mendorong pembentukan id dan akhirnya mempengaruhi tindakan separa sedar untuk menangani konflik tersebut. Hasil kajian juga menunjukkan kegagalan menggunakan akal untuk berfikir secara logik dan rasional dalam menangani permasalahan menyebabkan manusia bertindak melakukan perkara yang mendatangkan keburukan kepada diri sendiri seperti yang berlaku pada watak Maniam.

Kata kunci: Interlok, konflik kejiwaan; Psikoanalisis Sigmund Freud; Humanistik Abraham Maslow; Psikologi Islam

ABSTRACT

The aim of this article is to explain life conflict experience by Maniam in Interlok by Abdullah Hussain (1996). Maniam was chosen as samples due to the conflict that he need to face off in order to get a perfect life. The information obtained through literature technique, which identifies written sources which are related to conflict in live experience by the characters. The study employs the framework of Sigmund Freud Psychoanalysis, Humanistic Abraham Maslow and Islamic Psychology. Each framework play important rule in order to trigger and control the life conflict of the character. The results of this study explain the life conflict by Maniam was started form external factor that cause id and ultimately influence the subconscious action to handle the conflict. In addition, this study show that failure of using the function of brain to think logically and rational in order to face problems cause immoral feedback by human such as Maniam.

Key words: Interlok; life conflict; Sigmund Freud Psychoanalysis; Humanistic Abraham Maslow; Islamic Psychology

PENGENALAN

Kesusasteraan merupakan kesenian persuratan yang bersifat halus dan indah dengan medium penghantarnya ialah bahasa. Walau bagaimanapun, bidang kesusasteraan tetap berhadapan dengan apresiasi dan kritikan khalayak, iaitu suatu proses yang merangkumi aspek penghayatan, proses menganalisis serta penilaian dengan kaedah yang beralasan dan bersistem bertujuan menentukan nilai hakiki sesebuah karya sastera.

Malah, bidang kritikan telah diterima sebagai satu genre yang penting serta dapat membawa pelbagai kesan positif khususnya dalam perkembangan kesusasteraan Melayu itu sendiri. Sesebuah karya dihasilkan melalui suatu proses mental yang kompleks yang mempunyai kaitan dengan bidang psikologi.

Psikologi membolehkan pembaca meneroka alam batin manusiawi bagi memahami kemanusiaan dan sikap hidupnya yang diterjemahkan dalam bentuk karya oleh pengarang (Mana Sikana 1998:158).

Psikologi berkait rapat dengan watak yang sering berhadapan dengan konflik kejiwaan. Konflik kejiwaan yang dialami menjadi motivasi dan dorongan yang membawa kepada tingkah laku positif atau negatif yang digambarkan oleh watak-watak tersebut. Dorongan inilah yang menjadi fokus utama dalam pendekatan psikologi supaya gerakan watak dapat diikuti dan difahami pembaca. *Interlok* (1996) karya Abdullah Hussain merupakan sebuah novel yang sarat dengan permasalahan jiwa dengan hampir keseluruhan watak mengalami masalah sama ada dengan diri sendiri, keluarga atau dengan masyarakat sekeliling.

Tiga kaum utama yang diketengahkan oleh pengarang, iaitu Melayu, India dan Cina dengan setiap satunya diwakili oleh watak Seman, Ching Huat dan Maniam. Ketiga-tiga watak digambarkan sebagai pemuda yang berhadapan dengan masalah dalam usaha mencapai taraf hidup yang lebih baik. Setiap permasalahan yang dialami telah mewujudkan tekanan dalam jiwa watak dan hal inilah yang akan dikaji untuk menjelaskan faktor pencetus setiap tekanan dan cara watak menangani tekanan tersebut.

SOROTAN KAJIAN

Sigmund Freud (1972) melihat minda daripada tiga sudut pandangan, iaitu dinamik, ekonomi dan topografi. Minda dinamik wujud apabila kehendak dalaman (*internal values*) bertembung dengan kehendak luaran (*external reality*). Sekiranya kehendak luaran lebih banyak mempengaruhi manusia maka perasaan dalaman akan tertekan hingga mendorong kepada masalah kejiwaan (Wright 1984).

Minda ekonomi pula wujud apabila manusia menghadapi rangsangan luaran yang mendorong perasaan 'senang' dan 'tidak senang' dalam diri contohnya tekanan akibat faktor ekonomi dan sosial. Desakan perasaan 'tidak senang' menyebabkan kestabilan emosi terganggu maka, manusia perlu bijak mengawal tuntutan dalaman (*will pleasure*) dan tuntutan luaran (*will power*) supaya prinsip kesenangan dan prinsip realiti dapat dibezakan bagi membantu menyelesaikan masalah dengan tindakan yang positif selain dapat membatasi nafsu ketika berhadapan dengan konflik.

Secara tidak langsung, manusia dapat belajar menerima keadaan yang tidak menyenangkan selain menyesuaikan diri dengan kehendak persekitaran yang sering berubah. Minda topografik pula mempunyai tiga bentuk, iaitu id, ego dan superego (Sigmund Freud 1972). Ketiga-tiga unsur saling berkait antara satu sama lain dengan id merupakan keinginan dalaman, ego pula terbentuk daripada id dan superego sebagai suatu bentuk transformasi daripada id dan ego.

Unsur id dalam cerpen *Perempuan* karya Shanon Ahmad dinyatakan melalui watak Siti yang terperangkap antara keinginan untuk memenuhi kehendak keluarga supaya menerima pinangan Haji Rahmat, atau mahu memenuhi kehendak sendiri yang sebenarnya tidak berminat dengan pinangan tersebut. Siti takut untuk memecahkan egonya,

iaitu nilai kepatuhan kepada orang tua yang telah tertanam sekian lama dalam diri.

Kehadiran Haji Rahmat telah menggugat ketenangan jiwa Siti sekali gus mencabar nilai diri (ego) yang dipegang selama ini. Keinginan untuk memperoleh jodoh berdasarkan pilihan sendiri tidak kesampaian apabila wujud ketidakserasian antara memenuhi tuntutan id dengan pembentukan ego yang bertentangan dengan persekitaran atau realiti. Selain itu, penganalisisan konflik jiwa berdasarkan unsur id, ego dan superego turut diterapkan dalam novel *Juara* karya S. Othman Kelantan (1976) yang digambarkan melalui watak Mamat.

Walaupun Mamat telah berpindah ke selatan Siam kerana kecewa dengan kegagalannya dalam pilihan raya serta bersumpah tidak mahu melibatkan diri dalam politik, namun dalam diam keinginan untuk menjadi juara tetap ada dan ini sebenarnya didesak oleh minda bawah sedarnya atau id. Keinginan bawah sedar amat mempengaruhi diri Mamat hingga unsur egonya dizahirkan dengan cara melakukan penipuan, kezaliman dan pembunuhan kepada pihak lain yang cuba menghalang pencapaian cita-citanya.


Namun, masyarakat sekeliling, anak buah dan undang-undang negeri bertindak sebagai super-ego yang mengawal sikap Mamat daripada melakukan tindakan yang tidak wajar. Hal ini diperlihatkan melalui kerjasama dan sumbangan pemikiran yang bijak dan rasional antara masyarakat yang membolehkan Mamat berjaya mengalahkan Pak Isa dengan cara yang lebih berkesan dan diterima masyarakat (Hashim Awang dalam Hamzah Hamdani 1988:145-147). Kemenangan yang diperoleh juga berhasil memenuhi hierarki kehendak yang menginginkan ketinggian darjat dalam bidang politik yang menjadi cita-cita utamanya sebelum ini.

METODOLOGI

Objektif kajian adalah untuk menganalisis konflik kejiwaan dalam novel *Interlok* karya Abdullah Hussain (1996). Watak Maniam dipilih sebagai sampel disebabkan kehidupannya yang sering dirundung masalah dalam usahanya untuk keluar dari hidup yang serba kesusahan demi mencapai taraf hidup yang lebih baik bermula sejak dia tinggal di India atau setelah berhijrah ke Malaya. Setiap usahanya mendatangkan pelbagai konflik kejiwaan sekali gus memberi kesan kepada perkembangan jiwa watak tersebut hingga mempengaruhi pembentukan aksi dan reaksi watak itu sendiri dalam memperkembangkan cerita.

Kajian ini menggunakan kaedah kepustakaan dengan meneliti sumber-sumber bertulis termasuk teks, jurnal dan novel *Interlok* (1996). Kajian juga menerapkan tiga pendekatan utama yang sering digunakan untuk menganalisis konflik kejiwaan watak dalam karya, iaitu Psikoanalisis Sigmund Freud, Humanistik Abraham Maslow dan Psikologi Islam dengan ketiga-tiganya memainkan peranan yang tersendiri dalam permasalahan jiwa manusia.

Dalam bidang kritikan, psikoanalisis Freud melihat minda manusia dari tiga sudut pandangan, iaitu minda dinamik (pertentangan antara kehendak dalaman dan luaran), minda ekonomik (pengaruh daripada rangsangan luaran yang melahirkan perasaan senang atau tidak senang) dan minda topografik yang terdiri daripada tiga bentuk, iaitu id, ego dan superego. Minda topografik terdiri daripada tiga unsur dengan setiap satunya mempunyai hubungan tersendiri dengan konflik yang dialami manusia dan dijelaskan melalui Teori 'Iceburg' seperti dalam Rajah 1.



RAJAH 1 Teori 'Iceburg'

Unsur id merupakan keadaan bawah sadar yang wujud dalam diri manusia untuk mencapai kepuasan dalam hidup manakala unsur ego merupakan keadaan separa sadar yang bertindak balas dengan kehendak id samada dalam bentuk positif (memenuhi kehendak id) atau negatif (menangani kehendak id). Unsur superego pula merupakan minda sadar manusia yang menggunakan fungsi akal untuk berfikir secara logik tentang baik buruk dalam memenuhi atau menangani kehendak id. Maka, pengkaji ingin menganalisis sejauh mana ketiga-tiga unsur ini menyumbang kepada konflik kejiwaan pada watak Maniam secara menyeluruh.

Berdasarkan Humanistik Abraham Maslow (1984), manusia berkeinginan mencapai kesempurnaan diri dalam hidup berdasarkan hierarki kehidupan daripada peringkat paling rendah ke peringkat paling tinggi yang terdaya dicapai oleh manusia. Manusia ingin memenuhi keperluan asas

dan keperluan diri demi mencapai taraf hidup yang lebih baik. Namun, kegagalan menjadi insan yang baik menyebabkan mereka tidak mampu berkembang ke arah kesempurnaan diri akibat desakan hidup hingga mendorong mereka melakukan perkara negatif (Mahmood Nazar Mohamed 2001).

Akibatnya, kelalaian penerapan nilai humanistik telah mendorong pelbagai masalah hingga mengakibatkan pemberontakan mental dan fizikal seperti yang digambarkan oleh watak. Watak-watak turut didorong oleh tuntutan nafsu (*al-Nafs*) yang dizahirkan dalam bentuk tingkah laku. Id dan nafsu merupakan dua unsur yang berkehendakkan keseronokan semata-mata demi mencapai kepuasan diri. Setiap manusia diberikan hati (*al-Qalb*) dan akal (*al-Aql*) yang seharusnya digunakan sebaik mungkin ketika berhadapan dengan situasi yang sukar.

Malah, setiap pegangan agama turut menekankan nilai-nilai murni dalam kehidupan untuk menjadi manusia yang baik. Namun, kegagalan fungsi hati (*al-Qalb*) dan akal (*al-Aql*) menyebabkan watak menyalurkan keinginan dengan cara yang tidak wajar. Oleh itu, pengkaji ingin menganalisis sejauh mana pengabaian dasar-dasar Islam mempengaruhi tingkah laku watak dalam menyelesaikan konflik yang dialami.

WATAK MANIAM

Dalam novel *Interlok* (1996), Maniam digambarkan sebagai pemuda India yang mengalami pergelutan jiwa akibat kehadiran watak Supiah yang dianggap mengancam kehidupan rumah tangga dengan isteri barunya yang bernama Malini. Hal ini kerana, sebelum berhijrah ke Tanah Melayu, Maniam telah pun berkahwin di India dan mempunyai isteri yang bernama Ambika. Demi mencapai kehidupan yang lebih baik Maniam meninggalkan tanah airnya dan berhijrah ke Tanah Melayu.

Walau bagaimanapun, perihal berkenaan perkahwinan pertamanya itu dirahsiakan daripada pengetahuan isteri baharunya yang akhirnya mendatangkan masalah kepada Maniam sendiri. Ketika di Tanah Melayu Maniam bekerja di kawasan kebun dan telah mengahwini gadis bernama Malini. Namun, konflik Maniam bermula dengan kehadiran Supiah, iaitu rakannya yang berasal dari India yang sememangnya telah mengetahui perihal Maniam yang sudah mempunyai isteri yang ditinggalkan di India.

Supiah yang berperanan sebagai watak antagonis menginginkan rumah tangga Maniam

dan Malini berakhir kerana Supiah menaruh hati kepada Malini. Disebabkan keinginan itu, maka Supiah mencari jalan untuk memporak-perandakan kehidupan rumah tangga mereka dengan cara mengugut Maniam bahawa dia akan menceritakan kisah perkahwinan pertamanya kepada Malini dan semua penduduk di kawasan kebun itu.

Hal ini sangat membimbangkan Maniam, malah Maniam khuatir dengan penerimaan Malini jika mengetahui perkara tersebut. Maniam juga bimbang akan tanggapan penduduk yang tinggal di kawasan kebun jika berita tersebut tersebar kerana Maniam tidak mahu dianggap sebagai lelaki yang jahat dan tidak bertanggungjawab. Maka, ancaman daripada Supiah mencetuskan tekanan jiwa dalam diri Maniam dan akhirnya mendorong pelbagai tindakan yang dizahirkan oleh Maniam.

PSIKOANALISIS FREUD

Dalam diri manusia terdapat dua jenis kehendak, iaitu kehendak dalaman dan kehendak luaran. Jika kehendak luaran lebih banyak mempengaruhi manusia, maka perasaan dalaman akan tertekan. Dalam kes Maniam, kehendak dalamannya menginginkan kehidupan yang bahagia di samping keluarga baharunya di Tanah Melayu, iaitu bersama Malini dan bapa mertuanya Perumal. Kehendak luaran pula menginginkan watak Supiah dihalau daripada kawasan tempat tinggalnya kerana Supiah dianggap mengancam kehidupan rumah tangganya. Hal ini disebabkan ugutan Supiah yang ingin membocorkan rahsia tentang perkahwinan pertamanya di India pada masa dahulu yang akhirnya mewujudkan tekanan jiwa kepada Maniam.

Dari sudut psikologi, konflik kejiwaan yang dialami Maniam didorong oleh tuntutan id atau keadaan bawah sedar (*subconscious*) yang berkehendakkan unsur keganasan terhadap watak Supiah. Bagi D. Nye, unsur id merupakan bahagian personaliti manusia yang paling primitif. Terry Eagleton pula menjelaskan tuntutan id rakus dan tidak pernah puas (Arba'ie Sujud et al. 2010). Jelasnya, id merupakan tempat terletaknya keinginan atau gesaan yang memerlukan pengluhan.

Unsur id Maniam dapat dilihat melalui keinginan menghalau Supiah agar perihal perkahwinan pertamanya dapat disembunyikan daripada pengetahuan Malini dan bapanya. Hal ini menunjukkan pengaruh id mengundang perasaan resah gelisah (*chaotic*) yang terletak di minda bawah sedar manusia dan berprinsipkan

keseronokan semata-mata. Keseronokan dalam konteks permasalahan Maniam merujuk kepada kepuasan yang diperoleh sekiranya dia berjaya menghalau Supiah demi menjamin ketenteraman hidup dengan keluarga barunya. Berikut adalah dorongan id dalam diri Maniam:

“Waktu itu timbul satu perasaan baru yang mendesak dalam hatinya, supaya dia mengambil sesuatu tindakan. Mengapa tidak dihalau sahaja Supiah daripada kebun itu? Tetapi bagaimana mahu menghalaunya? Maniam kemudian mengambil keputusan. Dia akan membiarkan Supiah itu tinggal dahulu, kalau nanti dia mahu membuat kacau, kalau ada riak dia mahu menimbalkan huru-hara, dia mesti disingkirkan.”

(Abdullah Hussain 1996:282)

Petikan menunjukkan unsur id Maniam atau suatu bentuk tenaga bagi segala kehendak manusia yang mendorong tingkah laku yang baik atau sebaliknya. Perasaan id Maniam merupakan rasa tidak puas hati yang terjadi akibat dorongan biologikal, iaitu tekanan terhadap ancaman yang diberikan oleh watak Supiah terhadap kebahagiaan rumah tangganya bersama Malini. Tekanan ini memotivasikannya berbuat apa yang dikehendaki termasuk keganasan yang terarah kepada kelazatan (Mahmood Nazar Mohamed 2001), iaitu perasaan puas yang diperoleh sekiranya Supiah berjaya diusir keluar daripada kebun itu.

Rangsangan luaran yang wujud akan melahirkan perasaan ‘senang’ (*pleasure*) dan ‘tidak senang’ (*unpleasure*) dalam diri manusia. Namun, perasaan ‘tidak senang’ akan lebih mendominasi sekiranya rangsangan atau tekanan luar meningkat. Pada peringkat ini unsur ego memainkan peranan sama ada menuruti perasaan ‘senang’ atau perasaan ‘tidak senang’. Mekanisme ego bertindak mengawal keseronokan id kerana ego merupakan bahagian personaliti yang rasional, logikal dan beroperasi berdasarkan prinsip realiti. Ego bertindak menggunakan pemikiran proses sekunder, iaitu strategi penyelesaian masalah yang lebih kritikal, tersusun dan realistik.

Dalam situasi Maniam, perasaan tidak senang wujud akibat tekanan emosi yang disalurkan akibat ancaman daripada Supiah yang cuba merosakkan rumah tangganya. Maniam tidak selesa dengan keadaan tersebut, bimbang dan khuatir dengan penerimaan keluarga Malini jika mendapat tahu kisah lamanya ketika di India dahulu. Dalam hal ini, ego yang seharusnya menggantikan nilai negatif kepada positif tidak dapat dicapai kerana naluri id yang memuncak yang disalurkan secara tidak teratur

menyebabkan Maniam nekad ingin mencederakan Supiah setelah mendapat tahu Supiah memburuk-burukkan namanya:

“Beberapa orang kuli lelaki ikut Perumal mengejar Maniam. Tetapi Maniam tidak peduli, dia sudah mabuk seperti babi gila. Dia mahu membunuh Supiah. Itu yang ada dalam kepalanya.”

(Abdullah Hussain 1996:29)

Unsur id ternyata tidak dapat dibendung menyebabkan Maniam tidak berupaya mengarahkan mekanisme ego supaya mengawal kehendak id. Menurut A. Othman Kelantan (1985), konflik yang berat akan menekan unsur bawah sadar. Ego yang gagal menjadi jaringan kepada id akan berkelakuan ganjil malah memperlihatkan keadaan yang amat terdesak hingga berniat untuk mencederakan orang lain. Seharusnya, Maniam perlu merangsang ego supaya berfikiran positif dengan memperbaiki keadaan dengan cara yang betul, namun ego yang kalah dengan tuntutan id memakan diri sendiri kerana tidak berjaya menjadikan ego sebagai jaringan kepada kehendak id.

Kegagalan ego mengawal kehendak id menggambarkan unsur super ego Maniam yang tidak mantap. Menurut Arba'ie Sujud et al. (2010), super ego berperanan menentukan baik buruk sesuatu perkara. Oleh itu, manusia yang berhadapan dengan konflik perlu bijak membuat pertimbangan antara memenuhi tuntutan dalaman (*will pleasure*) atau tuntutan luaran (*will power*). Manusia perlu mempertimbangkan baik buruk sesuatu perkara selain belajar membatasi nafsu dan menerima keadaan yang tidak menyenangkan agar dapat menyesuaikan diri dengan kehendak persekitaran.

Namun, keadaan ini tidak dapat dicapai oleh Maniam kerana tuntutan id yang terlalu menguasai diri hingga gagal membezakan baik buruk tindakan yang dilakukan olehnya. Kegagalan unsur super ego menjadikan Maniam sebagai manusia yang unggul sekali gus telah mencerminkan *anxieti* yang negatif dalam diri Maniam. *Anxieti* merupakan keadaan negatif gabungan perasaan takut, seram, gentar, rusing dan cemas akibat faktor-faktor yang sukar diketahui individu berkenaan (Arba'ie Sujud et al. 2010).

Bagi mengawal *anxieti*, ego memainkan peranan penting dengan mengaktifkan pertahanan yang dikenali sebagai mekanisme helah bela diri. Gabungan perasaan marah akibat tindakan Supiah menjaja cerita perkahwinan pertamanya di India serta khuatir penerimaan Malini dan keluarganya telah membentuk perasaan takut, rusing dan

bimbang dalam batiniah Maniam telah mendorong pembentukan unsur *anxieti* dalam diri Maniam. Hal ini menyebabkan unsur ego mengaktifkan mekanisme helah bela diri dan Maniam berfikir dia perlu mempertahankan dirinya daripada tindakan Supiah yang mengancam kehidupan rumah tangganya.

Maka, mekanisme helah bela diri Maniam terjelma dengan tindakannya mengejar Supiah dan mengancam mahu membunuhnya. Maniam merasakan tindakannya itu wajar demi mempertahankan rumah tangganya serta ingin membuktikan bahawa tindakan Supiah mengadakan cerita yang dia tidak mengirim wang dan meninggalkan isteri pertamanya di kampung adalah tidak benar. Hal ini kerana Maniam sudah pun menceraikan isteri pertamanya itu, maka Supiah tidak seharusnya menyebarkan fitnah seperti itu. Khabar yang diceritakan Supiah seolah-olah menggambarkan Maniam sebagai lelaki jahat dan tidak bertanggungjawab:

Maniam terus menyambar tongkat semambu bapa mentuanya dan berlari keluar. ... “Eh, Supiah,” pekik Maniam dari jauh. “Mari sini, aku mau ajar mulutmu. Binatang! Kau mau rosakkan rumah tanggaku ya? Binatang!”


(Abdullah Hussain 1996:298)

Perasaan bimbang, cemas dan marah menyebabkan unsur *anxieti* mendorong ego mengaktifkan mekanisme helah bela diri. Pergolakan jiwa yang kuat menyebabkan Maniam berperang dengan perasaannya sendiri hingga unsur ego yang sepatutnya mengaktifkan mekanisme helah bela diri berbentuk positif gagal membendung konflik jiwa yang dialami. Ketidakmampuan menyelesaikan konflik akibat desakan id yang kuat serta pembentukan unsur *anxieti* akibat perasaan takut dan cemas telah mempengaruhi emosi Maniam hingga mendorongnya melakukan tindak balas yang negatif.

HUMANISTIK ABRAHAM MASLOW

Seperti yang dijelaskan sebelum ini, manusia berusaha mencapai tahap kesempurnaan sendiri yang paling tinggi dalam hidup mereka. Berdasarkan teori Humanistik Abraham Maslow, keperluan asas merupakan kehendak paling utama untuk mencapai kesempurnaan diri yang unggul. Manusia akan sentiasa berusaha mencapai sesuatu yang lebih bermakna dalam dirinya bermula daripada tahap-tahap keperluan fisiologi hinggalah kepada tahap kesempurnaan diri yang lebih baik. Berikut adalah

hierarki keperluan yang disarankan oleh Maslow yang ingin dicapai setiap manusia:



RAJAH 2 Hierarki keperluan Maslow

Berdasarkan Rajah 2, manusia mempunyai keperluan dan keperluan asas. Tatatingkat keperluan manusia bermula daripada kehendak untuk memenuhi keperluan asas seperti psikologi, keselamatan dan lain-lain hingga ke tahap kesempurnaan diri yang paling tinggi antaranya keamanan, pengetahuan dan sebagainya. Jika semua keperluan ini dipenuhi, maka individu dapat memotivasikan diri untuk mencapai peringkat yang lebih tinggi untuk mencapai tahap kesempurnaan diri. Dalam situasi Maniam, dia telah dihalau keluar dari kawasan tempat tinggalnya selepas Supiah berjaya menyebarkan fitnah yang memburukkan namanya.

“Hati Maniam agak sedap. Dia sudah mula yakin akan dirinya sendiri. Dia percaya Malini akan selamat tinggal dengan Perumal. Biarlah dia pergi dahulu mencari pekerjaan. Apabila sudah ada kerja dan Malini melahirkan anak maka dia akan datang menjemputnya.”

(Abdullah Hussain 1996:317)

Setelah dihalau, Maniam perlu mencari keperluan asasnya sendiri dan terpaksa memenuhi kehendak-kehendak seperti pekerjaan, keselamatan diri, penghargaan diri dan sebagainya. Dalam keadaan inilah dapat dilihat Maniam sebagai pemuda yang berusaha mencapai kesempurnaan diri dengan bergerak dari hierarki tahap rendah hingga mencapai tahap tertinggi yang terdaya olehnya. Maniam perlu memenuhi kehendak pekerjaan untuk menampung keperluan asasnya. Maniam perlu mencapai kehendak keselamatan, iaitu dengan tidak membahayakan dirinya dengan terus tinggal di kediaman lamanya dalam keadaan masyarakat yang sudah tidak mahu menerima kehadiran Maniam di sana.

Setelah kehendak-kehendak tersebut dipenuhi, hierarki keperluan Maniam mula menempati keperluan tertinggi apabila dia mula dihormati

kerana kegigihannya untuk berubah demi mencapai tahap kesempurnaan sendiri yang unggul. Maniam juga berubah menjadi pemuda yang lebih matang, lebih berpengetahuan untuk menangani suatu permasalahan berdasarkan pengalaman yang diperoleh sepanjang hidupnya selain berupaya mengadaptasikan diri dengan keadaan sekeliling yang sering berubah.

Menurut Maslow (1984), individu yang berusaha mencapai tahap ini akan beroleh kehidupan yang lebih baik dan hal ini dapat dilihat dalam watak Maniam setelah dihalau daripada tempat tinggal lamanya. Hal ini bagi memenuhi keperluan diri yang sebelum ini gagal diperoleh akibat pelbagai tekanan dan konflik kejiwaan yang dialami. Maniam tidak berputus asa dengan kegagalannya, sebaliknya Maniam berusaha mengubah kehidupan ke arah yang lebih baik. Jelasnya, manusia perlu melakukan apa sahaja yang difikirkan wajar untuk mendapatkan kesejahteraan hidup, iaitu mencapai kesempurnaan diri yang unggul (Arba'ie Sujud et al. 2010).

PSIKOLOGI ISLAM

Walaupun Maniam merupakan pemuda berbangsa India, namun dalam setiap pegangan agama masing-masing termasuk agama Hindu pasti terdapat peringatan supaya penganutnya menitikberatkan nilai-nilai murni dalam setiap perkara yang dilakukan untuk menjamin kehidupan yang lebih baik. Dengan kata lain, setiap agama mencegah manusia daripada menjadi mangsa akibat tuntutan nafsu yang negatif. Psikologi Islam turut menggalakkan manusia yang tewas kepada tuntutan id supaya kembali memperbaiki diri dengan menggunakan fungsi akan dan hati yang bersumberkan al-Quran dan Sunnah Nabi (al-hadis). Hal ini penting untuk membantu dalam membuat pertimbangan baik buruknya sesuatu perkara.

Hati (al-Qalb) secara semula jadinya terarah kepada sifat ketuhanan, iaitu cintakan kebenaran, kebaikan dan keadilan (Mahmood Nazar Mohamed 1990:32). Akal (al-Aql) pula berfungsi mencari ilmu bertujuan untuk membersihkan hati supaya terdorong ke arah kebaikan. Sebagai manusia yang mempunyai pegangan agama, Maniam seharusnya bijak menggunakan fungsi hati dan akal untuk membezakan baik buruk sesuatu perkara kerana dalam agamanya sendiri menitikberatkan amalan-amalan yang baik.

Namun, jika manusia membiarkan nafsu (al-Nafs) menguasai diri maka peperangan antara

kebaikan dan kejahatan akan berpihak kepada nafsu jahat tersebut. Hal ini menyebabkan jasad manusia beraksi sebagai pengikut kepada tuntutan kehendak jahat walaupun sedar perbuatan tersebut tidak memberikan kebaikan sama ada pada diri sendiri atau orang lain. Keadaan id yang menekan diri Maniam, peranan ego dan super ego yang gagal membentuk jaringan bagi menangani kehendak id menambahkan kerumitan konflik jiwa yang dialami oleh Maniam.

Maniam terlalu memikirkan tanggapan penduduk di sekelilingnya selain kluatir dengan penerimaan keluarga baharunya tentang perihal perkahwinan pertamanya ketika di India dahulu dibongkar oleh Supiah. Malah, desakan untuk memperoleh kehidupan yang lebih baik dalam persekitaran ekonomi dan sosial yang dipenuhi kesukaran turut memberikan tekanan kepada Maniam sekaligus menambahkan konflik jiwa yang dialaminya. Dalam Islam, manusia dituntut menangani kehendak nafsu berdasarkan pertimbangan akal dan hati.

Dalam konteks Maniam, walaupun bukan beragama Islam namun Maniam seharusnya bijak bertindak menggunakan kewarasan akal dan hati daripada terus menjadi mangsa kepada kehendak id yang akhirnya mendatangkan kesan buruk kepada diri sendiri hingga menyebabkannya dihalau daripada tempat tinggal sendiri. Maniam seharusnya bijak merancang penyelesaian bagi masalah yang dihadapi seperti berlaku jujur dengan menceritakan kepada Malini bahawa dia pernah berkahwin ketika di India dahulu.

Hal ini dapat menjelaskan situasi sebenar tentang peristiwa silam Maniam tanpa perlu berselindung dengan orang lain kerana dikhuatiri dianggap sebagai lelaki yang tidak jujur. Walau bagaimanapun, pengabaian fungsi hati dan akal menyebabkan Maniam gagal menangani kehendak id dalam dirinya. Malah, tekanan dan kesempitan hidup dalam keadaan yang serba kekurangan antara punca utama yang menyebabkan Maniam gagal menggunakan fungsi hati dan akal untuk menyelesaikan masalah hidupnya.

Sebaliknya Maniam mengambil langkah dengan menuruti kehendak nafsu, iaitu menuruti perasaan marah hingga membawa kesan kepada diri sendiri. Jelasnya, manusia perlu bijak menggunakan akal dan hati ketika berhadapan dengan masalah supaya pertimbangan tentang baik buruk sesuatu perkara dapat dilakukan berbanding bertindak secara melulu. Dengan kata lain, manusia diingatkan supaya berfikir dahulu sebelum bertindak supaya setiap tindakan yang bakal dilakukan tidak

mendatangkan kesan buruk kepada diri sendiri malah kepada orang lain.

KESIMPULAN

Apabila berbicara perihal motivasi dan tingkah laku, secara tidak langsung ia berkait rapat dengan psikologi yang menilai segala perubahan oleh watak sebagai satu gejala psikologikal yang perlu diberi perhatian (S. Othman Kelantan, 1985:92). Penemuan psikoanalisis Freud pada awal abad ke-20 menyebabkan bidang psikologi berkembang dengan memasuki dimensi baharu terutama dalam bidang kritikan sastera. Jelasnya, teori psikoanalisis Freud masih lagi relevan untuk menjelaskan permasalahan berkaitan konflik kejiwaan yang berlaku pada watak dalam sesebuah karya.

Dapat dirumuskan bahawa, dalam novel *Interlok* karya Abdullah Hussain (1996), pengarang telah berjaya mengeksplorasi banyak punca yang mendorong kepada permasalahan jiwa oleh watak-wataknya. Dalam kes Maniam, pengarang mengaitkan punca ekonomi dan sosial untuk mewujudkan minda pra sedar bagi membentuk unsur id dalam diri Maniam. Dalam hal inilah ego memainkan peranan untuk menyelesaikan masalah akibat tekanan daripada id samada menghasilkan ego positif-rasional atau secara negatif-irrasional.

Walaupun bagaimanapun, kegagalan menangani kehendak id akan membendung pembentukan ego positif-rasional, sebaliknya ego negatif-rasional akan mempengaruhi tindakan manusia dengan melakukan perkara yang tidak sewajarnya seperti yang digambarkan dalam watak Maniam. Dalam aspek inilah diselitkan mesej oleh pengarang bahawa pentingnya pertimbangan tentang baik buruk sesuatu perkara sebelum tindakan yang tidak sewajarnya diambil. Walaupun tidak dinyatakan secara tersurat, namun pengarang cuba mengetengahkan nilai kejujuran dalam watak Maniam terutama dengan ahli keluarga sendiri.

Maniam seharusnya berlaku jujur dengan menceritakan perkara sebenar tanpa berselindung sejak dari awal supaya mereka mengetahui setiap perkara yang pernah berlaku pada ahli keluarga yang lain. Hal ini penting bagi mengelakkan konflik kerana jika terdapat spekulasi negatif yang disampaikan oleh orang luar, ahli keluarga sudah pun menerima maklumat tersebut terlebih dahulu daripada keluarganya sendiri. Hal ini dapat membendung permasalahan yang lebih berat daripada berlaku, malah konflik yang wujud dapat

ditangani dengan lebih baik berpandukan ego positif-rasional.

Jelasnya, psikoanalisis mendasarkan pemikirannya kepada proses bawah sedar yang membentuk perilaku dan segala penyimpangan perilaku sebagai akibat daripada proses di bawah sedar dalam minda manusia (Freud dalam Ira Puspitorini, 2002). Bagi menangani atau memenuhi kehendak minda bawah sedar, pengarang mengekspresikan pelbagai tindakan yang disalurkan melalui watak-watak dalam karyanya samada tindakan yang mengarah kepada kebaikan atau kepada keburukan.

Secara tersirat, tindakan-tindakan ini mengandungi mesej berguna yang ingin disampaikan pengarang kepada pembaca. Oleh itu, psikoanalisis Freud masih, Teori Humanistik Abraham Maslow dan Pendekatan Psikologi Islam masih relevan untuk menganalisis konflik jiwa yang dialami oleh watak. Secara tidak langsung, pendekatan-pendekatan yang digunakan dapat menyalurkan pengajaran kepada pembaca terutama dalam cara-cara menangani masalah yang dicetuskan oleh minda primitif manusia.

Nur Farakhanna Mohd Rusli
Jabatan Bahasa Melayu
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
43400 UPM, Serdang, Selangor
MALAYSIA.
E-mail: farakhannamohdrusli@gmail.com

RUJUKAN

- Abdullah Hussain. 1996. *Interlok*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Arba'ie Sujud, Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi & Asiah Abdul Rahman. 2010. *Sastera Melayu Suatu Pengantar*. Kuala Lumpur: Tinta Press Sdn. Bhd.
- Freud, Sigmund. 1972. *Two Short Accounts of Psycho-Analysis*. England Penguin Book.
- Hamzah Hamdani. 1988. (Penyelenggara). Freud dan Kesusasteraan Melayu dalam *Konsep dan Pendekatan Sastera*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ira Puspitorini. 2002. (Penterjemah). *General Introduction to Psychoanalysis: Psychoanalysis Sigmund Freud*. Yogyakarta: Ikon Terlitera.
- Mana Sikana. 1998. *Teori dan Pendekatan Kritikan Sastera Moden*. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Mahmood Nazar Mohamed. 2001. *Pengantar Psikologi: Satu Pengenalan Asas kepada Jiwa dan Tingkah Laku Manusia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Maslow, A. 1984. *Motivasi dan Keperibadian*. Jakarta: Pustaka Binoman Pressido.
- S. Othman Kelantan. 1976. *Juara*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- S. Othman Kelantan. 1985. *Teknik Mengkaji Novel (dalaman dan luaran)*. Kuala Lumpur: Karya Bistari Sdn. Bhd.
- Wright, E. 1984). *Psychoanalytic Criticism: Theory in Practice*. London: Methuen.